PANDUAN

Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2020

DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

SOLAT SUNAT AIDILFITRI

1. Solat Sunat Aidilfitri di Masjid yang terpilih. Jumlah jemaah dihadkan antara 3 orang hingga 30 orang (WP) dan 12 orang (negeri) terdiri daripada ahli jawatankuasa dan kariah yang berdaftar
2. Solat Sunat Aidilfitri di rumah bersama ahli keluarga
   - Boleh dilaksanakan tanpa atau dengan khutbah
3. Ahli keluarga yang dikuarantin di rumah tidak dibenarkan turut serta
4. Pesakit dan petugas di Hospital dibenarkan solat sunat Aidilfitri mengikut peraturan KKM

TAKBIR HARI RAYA

1. Takbir di Masjid/Surau oleh Imam, Bilal dan Siak atau rakaman
   - Boleh dialunkan dengan menggunakan alat pembesar suara
2. Digalakkan Takbir Hari Raya di rumah
3. Takbir dari rumah ke rumah tidak dibenarkan

RUMAH TERBUKA

Amalan rumah terbuka Aidilfitri tidak boleh diadakan bagi mengelakkan penularan wabak penyakit

ZIARAH RAYA

Amalan ziarah menziarahi mengeratkan silatulrahim dibenarkan pada hari pertama raya dan dihadkan kepada 20 orang sahaja. Digalakkan berhubung menggunakan alat komunikasi dan media sosial sebagai pengganti diri

ZIARAH KUBUR

Bacaan Yassin dan Tahlil boleh diadakan di rumah bersama ahli keluarga sahaja selepas solat sunat Aidilfitri bagi menggantikan amalan menziarahi kubur pada hari raya